

TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN SEMPENA
PERASMIAN PUSAT PENGAJIAN KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN
UTARA MALAYSIA (KUKUM) DI JEJAWI PADA 11 MEI 2004.

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM.

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN
SALAM SEJAHTERA.**

**YANG AMAT BERHORMAT,
DATO' SERI SHAHIDAN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS DAN YANG
BERBAHAGIA DATIN SERI SHAMSIAH MOHD YASSIN,
YANG BERHORMAT,
TUAN HAJI ABU HASSAN SALLEH
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS,**

**YANG BERHORMAT,
TUAN HAJI MAT ZARA'AI ALIAS
PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI PERLIS
DAN YANG BERBAHAGIA ISTERI,**

**YANG BERHORMAT,
ENCIK ZULKAFI
TIMBALAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI PERLIS,**

YANG BERHORMAT AHLI –AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PERLIS,

DATUK-DATUK DAN DATIN-DATIN

YANG DIHORMATI WAKIL-WAKIL MEDIA,

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

1. SAYA INGIN MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBBHANAWA TAALA KERANA DENGAN LIMPAN KURNIA DAN IZIN NYA DAPAT KITA BERSAMA-SAMA PADA MALAM YANG CUKUP MULIA INI. PADA MALAM YANG BERSAKSIKAN BINTANG DI DADA LANGIT KITA SEMUA SEKALI LAGI AKAN MENYAKSIKAN SATU LAGI AGENDA PENTING TERPAHAT DALAM SEJARAH PENDIDIKAN MODEN DI MALAYSIA SECARA AMNYA DAN NEGERI PERLIS KHUSUSNYA.

2. TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM, MENTERI BESAR PERLIS DAN YANG BERBAHAGIA DATIN SERI SHAMSIAH MOHD YASSIN KERANA SUDI HADIR KE MAJLIS INI.

3. SYABAS DAN TAHNIAH JUGA SAYA UCAPKAN KEPADA PROFESOR MADYA DR. SHAMSUL BAHARIN JAMALUDIN, Pengerusi MAJLIS PERASMIAN PUSAT PENGAJIAN DAN SELURUH AHLI JAWATANKUASA PERASMIAN PUSAT PENGAJIAN KERANA TELAH BERTUNGKUS LUMUS DALAM BATASAN WAKTU YANG CUKUP SINGKAT BAGI SEGALA PERSIAPAN DAN PERSEDIAAN UNTUK MAJLIS PADA MALAM INI.

4. PERASMIAN PUSAT PENGAJIAN KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM) DI JEJAWI INI YANG AKAN DISEMPURNAKAN OLEH PEMIMPIN YANG KITA SANJUNGI SEMUA AKAN MENJADI TITIK TOLAK KEPADA PEMBANGUNAN INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DI NEGERI INDERA KAYANGAN INI. SESUNGGUHNYA HASRAT MURNI KERAJAAN NEGERI MAHU MENJADIKAN PERLIS SEBAGAI NEGERI ILMU CUKUP SINONIM DENGAN ACARA PADA MALAM INI.

5. UNTUK PENGETAHUAN HADIRIN YANG DIHORMATI SEMUA, MERENUNG SEJENAK TENTANG KOLEJ UNIVERSITI KEJURUTERAAN UTARA MALAYSIA (KUKUM), IA DITUBUHKAN SEBAGAI SEBUAH INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM (IPTA) YANG KE 17 SETELAH DILULUSKAN OLEH KABINET PADA 25 JULAI 2001. PENUBUHAN KUKUM BERTUJUAN UNTUK MELAHIRKAN JURUTERA BERKEMAHIRAN TINGGI BAGI MEMENUHI DAN MENYOKONG PELAN PERINDUSTRIAN NEGARA, SELAIN MEMBERI ALTERNATIF KEPADA PELAJAR YANG CENDERUNG KEPADA PEMBELAJARAN SECARA PRAKTIS. PEMBELAJARAN DILAKSANAKAN SECARA 'HANDS ON' IAITU BERASASKAN 60% PENGAJARAN DALAM BENTUK PRAKTIKAL DAN 40% DALAM BENTUK PENGAJARAN TEORI.

6. AKTIVITI DAN PEMBANGUNAN KURIKULUM, PEMBANGUNAN FIZIKAL DAN PENGAMBILAN STAF BERMULA SELEPAS PERLANTIKAN REKTOR DAN TIMBALAN REKTOR PADA 16 FEBRUARI 2002. PADA 2 MEI 2002 KUKUM MULA BEROPERASI DI KAMPUS SEMENTARA DI KUBANG GAJAH, ARAU DAN TELAH MENERIMA PELAJAR SULUNG BAGI SESI AKADEMIK 2002/2003 SERAMAI 116 ORANG PADA 20 JUN 2002.

7. MEMANDANGKAN KAMPUS TETAP KUKUM DI PAUH YANG SELUAS 1050 EKAR DAN DI SUNGAI CHUCHUH SELUAS 300 EKAR MASIH DI PERINGKAT PEMBANGUNAN, KUKUM BUAT MASA INI TERPAKSA MENYEWA BEBERAPA BUAH BANGUNAN UNTUK DIJADIKAN PUSAT PENTADBIRAN DAN PENGAJIAN. DEK KERANA ITU LAH KUKUM DIKENALI SEBAGAI 'DISTRIBUTED CAMPUS' ATAU KAMPUS TERAGIH. SEBAGAI CONTOH DI BANGUNAN KWSP TELAH DITEMPATKAN JABATAN CANSELORI, JABATAN PENDAFTAR, JABATAN BENDAHARI, PERPUSTAKAAN, DEWAN KULIAH, JABATAN PEMBANGUNAN DAN JABATAN KESELAMATAN.

8. DI KUBANG GAJAH PULA IA TELAH DIJADIKAN SEBAGAI PUSAT TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI, BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR, DEWAN KULIAH DAN MAKMAL. MANAKALA DI TAMAN AMAN, BINTONG PULA TELAH DIJADIKAN SEBAGAI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR.

9. BAGI MENAMPUNG KEPERLUAN LOGISTIK YANG LEBIH BESAR, KUKUM JUGA BEROPERASI DI KUALA PERLIS SEPERTI MENEMPATKAN PARA PELAJAR DI KAMPUNG WAI UNTUK KOLEJ KEDIAMAN, PUSAT KEJURUTERAAN, PUSAT KERJASAMA INDUSTRI, BILIK BERSIH (CLEAN ROOM), MAKMAL DAN KULIAH.

10. BANGUNAN KOMPLEKS PUSAT PENGAJIAN DI JEJAWI INI PULA MERUPAKAN HAKMILIK PENUH PERBADANAN KEMAJUAN EKONOMI NEGERI PERLIS (PKENPs). KONTRAKTOR ASAL YANG TELAH DIPERTANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBINA BANGUNAN INI IALAH PENS HOLDING SDN. BHD. IAITU ANAK SYARIKAT KEPADA PKENPs SENDIRI. BANGUNAN INI TELAH DIAMBIL ALIH OLEH KUKUM PADA 10 OKTOBER 2003. KERJA-KERJA PENGUBAHUSAIAN RUANG PEJABAT INI DIMULAKAN PADA 13 OKTOBER 2003 DAN TELAH SIAP PADA 25 FEBRUARI 2004 YANG LALU.

11. PADA TANGGAL 26 FEBRUARI 2004, WARGA KERJA PUSAT PENGAJIAN KUKUM YANG PADA ASALNYA BEROPERASI DI KUBANG GAJAH TELAH MULA BERPINDAH SECARA BERPERINGKAT-PERINGKAT DAN MEMAKAN MASA SELAMA LIMA HARI. KOMPLEKS PUSAT PENGAJIAN DI JEJAWI INI SELUAS 15,000 KAKI PERSEGI. TERDAPAT DUA BLOK PENGAJIAN IAITU BLOK A DAN B YANG MENEMPATKAN PUSAT PENTADBIRAN BAGI TUJUH PUSAT PENGAJIAN IAITU PUSAT

PENGAJIAN KEJURUTERAAN SISTEM ELEKTRIK, PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MIKROELEKTRIK, PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN KOMPUTER DAN PERHUBUNGAN, PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MEKATRONIK, PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN BAHAN, PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN SISTEM PEMBUATAN DAN PUSAT KEMAHIRAN KOMUNIKASI DAN KEUSAHAWANAN.

12. KOMPLEKS PUSAT PENGAJIAN INI BERUPAYA MENAMPUNG KAPASITI KIRA-KIRA 300 ORANG KAKITANGAN YANG MERANGKUMI STAF AKADEMIK DAN PENTADBIRAN. TIAP-TIAP PUSAT PENGAJIAN DILENGKAPI DENGAN RUANG – RUANG PEJABAT, BILIK-BILIK PENSYARAH, GURU BAHASA DAN JURUTERA PENGAJAR. BILIK BAGI DEKAN SETIAP PUSAT PENGAJIAN PULA DITEMPATKAN DI TINGKAT SATU. ANTARA KEMUDAHAN LAIN YANG TERDAPAT DI KOMPLEKS PUSAT PENGAJIAN INI IALAH SEPERTI SURAU, CAFETERIA DAN KEMUDAHAN MELETAK KENDERAAN IAITU SEBANYAK 100 PETAK.

13. BANGUNAN INI JUGA DILENGKAPI DENGAN BILIK MESYUARAT UTAMA YANG TERLETAK DI TINGKAT SATU, BLOK A. MANAKALA BILIK MESYUARAT BAGI TIAP-TIAP PUSAT PENGAJIAN PULA DISEDIAKAN DI TINGKAT TIGA IAITU ARAS YANG PALING ATAS DI PUSAT PENGAJIAN MASING-MASING. KOMPLEKS PUSAT PENGAJIAN DI JEJAWI INI JUGA MENYEDIAKAN BILIK UNTUK DYMM TUANKU CANSELOR YANG BERTEMPAT DI BLOK B. DENGAN JARAK PERJALANAN SEJAUH EMPAT KILOMETER DAN HANYA MEMAKAN MASA KIRA-KIRA 10 MINIT PERJALANAN DARI JEJAWI KE KANGAR MENJADIKAN KOMPLEKS PUSAT PENGAJIAN INI SATU LOKASI YANG STRATEGIK BERBANDING SUATU KETIKA DAHULU SEMASA BEROPERASI DI KUBANG GAJAH.

TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN SEKALIAN,

14. KAMPUS TERAGIH YANG SAYA MAKSUDKAN SEBELUM INI AKAN TERUS DIGUNAKAN SEHINGGA LAH KAMPUS TETAP DI PAUH DAN SUNGAI CHUCHUH SIAP KELAK. DISEBABKAN SISTEM PEMBELAJARAN KUKUM MENGGUNAPAKAI SISTEM 'HANDS ON' MAKA KEPERLUAN DARI SEGI LOGISTIK YANG LEBIH LUAS AMAT DIPERLUKAN BAGI MENAMPUNG SEGALA PERALATAN MAKMAL DAN BENGKEL.

15. SELAIN DARI ITU KUKUM JUGA AKAN MENERIMA KEHADIRAN PELAJAR BARU PADA JUN NANTI SERAMAI LEBIH KURANG 800 ORANG PELAJAR. PENAMBAHAN PELAJAR INI BERMAKNA KEPERLUAN LOGISTIK AKAN JUGA BERTAMBAH. BUAT MASA INI KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR TERLETAK DI TAMAN AMAN, BINTONG DAN KAMPUNG WAI, KUALA PERLIS.

16. DI SINI SAYA AMAT BERHARAP KERAJAAN NEGERI DI BAWAH PIMPINAN DATO' SERI DAPAT MEMPERCEPATKAN LAGI PROSES PEMBANGUNAN KAMPUS TETAP KUKUM DI PAUH DAN SUNGAI CHUCHUH. LANGKAH YANG LEBIH PROAKTIF AMAT DIALU-ALUKAN SUPAYA PEMBANGUNAN KUKUM SEBAGAI SEBUAH UNIVERSITI DAPAT DIPERCEPATKAN LAGI.

17. SAYA JUGA AMAT BERHARAP AGAR KERAJAAN NEGERI TERUS MEMBERI SOKONGAN YANG PADU KEPADA KUKUM DALAM APA JUA KEGIATAN DEMI KEPENTINGAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI AWAM DI BUMI YANG BERTUAH INI. TANPA SOKONGAN YANG PADU DARI KERAJAAN NEGERI DI BAWAH PIMPINAN DATO' SERI YANG BIJAKSANA, KUKUM TIDAK MAMPU BERDIRI DENGAN SENDIRI. KEJAYAAN KUKUM BANYAK BERGANTUNG DARI SEMUA PIHAK. BAK KATA BIDALAN, KUAT AKAR KERANA TUNJANG, KUAT TUNJANG KERANA AKAR. BULAT AIR KERANA PEMBENTUNG BULAT MANUSIA KERANA MUFAKAT.

18. SEBELUM MENGAKHIRI UCAPAN, SAYA INGIN SEKALI LAGI MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM DAN YANG BERBAHAGIA DATIN SERI SHAMSIAH MOHD YASSIN KERANA SUDI KE MAJLIS PERASMIAN PUSAT PENGAJIAN KUKUM DI JEJAWI INI. UCAPAN TERIMA KASIH JUGA KEPADA BARISAN KEHORMAT TETAMU YANG SUDI HADIR MEMERIAHKAN LAGI MAJLIS KAMI PADA MALAM INI.

**DARI DAIK PULANG KE DAIK
SEHARI-HARI BERKEBUN PISANG
BUDI BAIK DIBALAS BAIK
DALAM HATI DIKENANG ORANG**

**DEWA SAKTI MELAYANG KE DAIK
HENDAK MENCARI DEWA JARUGA
KALAU ADA BUDI YANG BAIK
SAMPAI KE MATI ORANG TAK LUPA**

19. SYABAS DAN TAHNIAH JUGA KEPADA SELURUH AHLI JAWATANKUASA MAJLIS PERASMIAN PUSAT PENGAJIAN DI JEJAWI DALAM MEMASTIKAN KELANCARAN MAJLIS PADA MALAM INI. SAYA SUDAH DENGAN UCAPAN WABILLAHITAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMULAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.